

Serah kebijaksanaan Seri Paduka

Kuala Lumpur: Pemilihan Perdana Menteri yang baharu tidak boleh dibuat se-wenang-wenangnya, tetapi hanya boleh ditentukan dengan hemat dan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'aya-tuddin Al-Mustaffa Billah Shah.

Penganalisis perundangan dan politik Profesor Datuk Dr Abdul Halim Sidek berkata, mana-mana pemimpin parti atau pihak juga tidak boleh sekadar memetik nama tertentu sebagai pengganti, tetapi perlu mengemukakan calon yang diyakini mendapat sokongan majoriti untuk dipersembahkan kepada Seri Paduka bagi membuat pertimbangan.

"Menurut Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri hendaklah dilantik dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang mendapat sokongan majoriti.

"Seri Paduka akan menentukan siapa calon yang layak berdasarkan nama dipersembahkan mengikut hemat, kebijaksanaan dan per-

timbangannya.

"Bagaimanapun, siapa pun yang dilantik menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri perlu segera menetapkan tarikh bagi mengadakan persidangan khas selepas mengangkat sumpah dengan satu agenda iaitu menentukan keabsahan kerana itu saluran betul bagi melihat sejauh mana beliau mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat," katanya.

Mengulas mengenai nasib pemimpin Umno yang akan terus menyokong Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin seandainya beliau meletak jawatan, Abd Halim berkata, mereka dikira ingkar arahan serta keputusan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) parti dan boleh dihadapkan ke jawatankuasa tatatertib.

"Itu urusan dalaman parti Umno, tetapi dalam keadaan getir, kemungkinan tindakan tatatertib diambil, tetapi tidak sampai ke tahap pemecatan.

"Mungkin amaran atau permohonan maaf bertulis saja," katanya.

Sementara itu, Profesor di Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Zaid Ahmad tidak dapat meramal siapa yang akan menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri baru sekiranya Muhyiddin meletak jawatan kerana yakin semua pihak kini mempunyai gerakan dalam mengukuhkan kedudukan masing-masing.

Menurut Dr Zaid, walaupun ada beberapa nama disebut sebagai pengganti, semua pihak perlu akui Seri Paduka lebih arif dalam menentukan siapa yang layak menyandang jawatan Perdana Menteri.

"Terserah kepada kebijaksanaan Seri Paduka untuk memilih siapa yang akan menyandang jawatan.

"Cuma, sesiapa saja dilantik Seri Paduka perlu menguji keabsahannya di Parlimen dalam sidang pertamanya kerana itu yang mustahak selepas beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri," katanya.